

27 JUN 1999

Mahathir-Pemimpin

PEMIMPIN HARUS LETAK ASAS BAGI NEGARA, KATA PERDANA MENTERI

LANGKAWI, 27 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pemimpin harus memikirkan tentang masa depan negara untuk membolehkannya meletakkan hala tuju yang betul.

Seorang pemimpin harus membuat perancangan untuk masa depan, kata beliau kepada pemberita selepas pelancaran program pemasaran bersama "Make It Langkawi" di sini.

"Kita harus memikirkan apa yang akan berlaku 100 tahun dari sekarang dan sebab itulah kita harus merancang sesuatu yang baik untuk semua rakyat dan negara," kata beliau ketika menjawab soalan daripada wartawan asing mengenai masa depan beliau dalam kerajaan.

Beliau menarik perhatian kepada Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) sebagai contoh sambil berkata kerajaan membina lapangan terbang itu yang boleh menampung pertambahan penumpang pada masa depan.

"Membina lapangan terbang dekat ibu negara amat sukar kerana tiada siapa yang mahu tinggal dekat lapangan terbang. Justeru itu, kerajaan memperolehi tanah yang bukan terletak di kawasan ibu negara dan membina lapangan terbang yang boleh memenuhi pertambahan jumlah penumpang daripada 18 juta setahun sekarang kepada 120 juta," kata beliau.

Dr Mahathir berkata beliau tidak memikirkan mengenai apa yang boleh dinikmatinya sebagai perdana menteri.

"Yang saya fikirkan ialah rancangan untuk masa depan negara," kata beliau.

Beliau berkata masa depan kedudukannya dalam kerajaan bergantung sama ada beliau masih berupaya untuk memimpin negara dan sama ada parti masih memerlukan beliau.

Ketika menjawab soalan mengenai kawalan modal, Dr Mahathir berkata kawalan matawang terbukti berkesan bagi Malaysia tetapi ia tidak boleh dicuba di mana-mana negara kerana ia harus dilaksanakan dengan mengambil kira rizab dan sistem kewangan negara berkenaan.

"Kita sebenarnya membantu perniagaan berjalan lancar kerana anda sendiri tahu nilai matawang untuk berurusan dalam perniagaan," kata beliau.

Dr Mahathir berkata tanda-tanda pemulihan ekonomi amat jelas sambil menarik perhatian kepada kenaikan indeks komposit Bursa Saham Kuala Lumpur daripada 262 mata tahun lalu kepada 800 mata baru-baru ini.

Perdana Menteri juga berkata kerajaan Malaysia hanya akan menarik balik langkah kawalan modal jika sistem kewangan antarabangsa bertambah baik.

Beliau juga menjawab soalan-soalan mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC), Wawasan 2020 dan pelaburan asing.

Mengenai pelaburan, Dr Mahathir berkata Malaysia masih memerlukan pelabur asing dan kepakaran mereka untuk membantu membangunkan negara.

"Walaupun kita mengenakan cukai keluar, saya mendapati bahawa pelabur asing masih datang untuk melabur di negara ini," kata beliau.

-- BERNAMA

MZM NH FAZ